



19 Ogos 2011  
19 August 2011  
P.U. (A) 282

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN)  
(NO. 3) 2011

*NATIONAL SPEED LIMIT (AMENDMENT) (NO. 3)  
ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/ ATTORNEY  
GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH HAD LAJU KEBANGSAAN (PINDAAN) (NO. 3) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Had Laju Kebangsaan (Pindaan) (No.3) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 22 Ogos 2011.

**Pindaan Jadual**

2. (1) Perintah Had Laju Kebangsaan 1989 [*P.U. (A) 18/1989*] dipinda dalam Jadual dengan memasukkan selepas butiran 16 butiran yang berikut:

“17. Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Pantai Timur-Fasa 2 yang bermula—

(a) dari kilometer 365.544 di Persimpangan Bertingkat Bukit Besi (di koordinat U -15392.721, T +33595.713 Grid Cassini Negeri Terengganu) dan berakhir di kilometer 403.748 di Persimpangan Bertingkat Ajil (di koordinat U +15900.344, T +18910.634 Grid Cassini Negeri Terengganu) (kedua-dua jarak diukur dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur melalui Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, Lebuhraya Pantai Timur-Fasa 1 dan Lebuhraya Pantai Timur-Fasa 2) termasuklah jalan-jalan sambungannya; dan

(b) dari kilometer 423.246 di Persimpangan Bertingkat Telemung (di koordinat U +32846.487, T +12686.520 Grid Cassini Negeri Terengganu) dan berakhir di kilometer 424.793 (di koordinat U +34307.904, T +13156.195 Grid Cassini Negeri Terengganu) termasuklah Persimpangan Jalan Telemung.”

(2) Jalan dengan had laju yang dinyatakan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL  
[Subperenggan 2(2)]

PETA LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2

